

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L
M PARAMESWARAN [BATU]**

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang akan dikeluarkan oleh Kementerian untuk membantu membangunkan ekonomi ibu-ibu tunggal dan keluarga asnaf yang terkesan di seluruh Malaysia pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) di bawah inisiatif PENJANA yang telah diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu memperuntukkan sebanyak RM45 juta untuk membantu seramai 150,000 ibu tunggal. Bantuan secara *one-off* sebanyak RM300 ini diharap dapat membantu ibu tunggal yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) RM960 atau per kapita RM244. Bantuan ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu kumpulan yang terjejas iaitu ibu tunggal yang menjadi Ketua Isi Rumah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sebelum pandemik COVID-19 giat melaksanakan Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE) di semua peringkat termasuk luar bandar melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). PACBE

merupakan program yang disusun semula dengan memberi fokus kepada Pembangunan Kapasiti dan Peningkatan Kesejahteraan Wanita. Melalui penyusunan semula fokus, adalah diharapkan ia dapat memberi impak yang lebih bermakna kepada wanita termasuk golongan ibu tunggal terutama dalam menambah pendapatan. Pelaksanaan Program PACBE dibahagikan kepada tiga (3) bidang utama iaitu:

- i) Bidang **Community-based-Enterprise (CBE)** untuk aspek peningkatan kemahiran;
- ii) Bidang **Psikososial (substantif)** untuk aspek pembangunan pendidikan sosial; dan
- iii) Bidang **Pengupayaan (empowerment)** untuk aspek pembangunan keupayaan.

Pada tahun 2019, sebanyak 607 program PACBE telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 10,922 orang peserta termasuk golongan ibu tunggal. Sehingga bulan April 2020, seramai 1,478 orang peserta telah mengikuti 80 program PACBE ini.

Selain itu juga, JPW turut menjalankan program atas talian semasa PKP. Sebanyak 10 program telah dijalankan dengan penyertaan yang memberangsangkan dengan pelaporan kadar tontonan (*views*) sebanyak 3,879 peserta secara keseluruhan dari 20 Mei sehingga 31 Mei 2020. Berdasarkan maklumat pengisian Borang Penilaian Program Atas Talian JPW, seramai 85% daripada peserta adalah wanita. Selain itu, program-program yang berunsurkan Pengisian Kerohanian, Latihan dan Kemahiran, Pemerksaan Wanita dan Keharmonian Keluarga juga telah dijalankan.

Program-program seperti ini diharap dapat membantu ibu tunggal membangunkan diri demi kesejahteraan mereka dan keluarga.